

TARIKH : 5/2/2023
SURAT KHABAR : METRO
MUKA SURAT :

05.02.2023 | Metro Ahad

HENTI PEKERJA TEMPATAN DEMI PEKERJA ASING

Majikan bakal berdepan tindakan

Putrajaya: Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana majikan yang memberhentikan pekerja tempatan bagi menggaji pekerja asing untuk menggantikan mereka, kata Menteri Sumber Manusia V Sivakumar.

Beliau berkata, rasional kerajaan mewujudkan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing bukan untuk menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja asing sebaliknya bagi memenuhi keperluan di lima sektor kritikal.

"Tiada sebarang alasan akan diterima sekiranya kerajaan mendapati situasi ini berlaku hingga menyebabkan pekerja tempatan hilang mata pencarian," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan sijil kepada graduan program Pensijilan Profesional Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) 2023 di sini, kelmarin.

Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) sebelum ini mendakwa ada pekerja tempatan di sektor kritikal iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, perta-



SIVAKUMAR

nian dan perkhidmatan (restoran) telah diberhentikan untuk digantikan dengan pekerja asing.

Mesyuarat Khas Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 10 Januari lepas bersetuju mewujudkan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing sebagai langkah memenuhi keperluan tenaga kerja, selain melaksanakan semula Program Rekalibrasi Tenaga Kerja.

Sementara itu, Sivakumar berkata, kerajaan mengadakan perbincangan dengan Indonesia berkaitan isu kenaikan kos bagi mendapatkan pembantu rumah dari negara itu.